

# Malaysia sedia jadi pintu masuk utama ke Asia Tenggara

Langkah strategik diatur permudah pelabur manfaat pasaran sedang pesat berkembang

Oleh Azanis Shahila Aman  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Malaysia mengambil langkah strategik untuk menjadi pintu masuk utama bagi perniagaan yang ingin memanfaatkan pasaran yang pesat berkembang di rantau ini, ketika Asia Tenggara semakin mengukuhkan peranannya sebagai pemain utama dalam ekonomi global.

Dalam satu wawancara bersama *Forbes*, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata kelebihan unik Malaysia dan usaha negara untuk menarik pelaburan asing dengan memanfaatkan tempat strategik dan hubungan kukuh dalam ASEAN.

Beliau menyifatkan ASEAN sebagai 'platform perdagangan penting' yang memudahkan kemasukan kepada 10 pasaran Asia Tenggara.

Perdana Menteri berkata, peranan pusat Malaysia dalam blok ekonomi itu menekankan inisiatif kerajaan untuk menyelaraskan proses perdagangan dan mengurangkan halangan birokrasi bagi menarik perniagaan global.

Laporan itu menyatakan Anwar juga menekankan kedudukan geografi strategik Mala-

ysia, yang membolehkan pengembangan perdagangan bukan sahaja dalam ASEAN, tetapi juga dengan rakan kongsi seperti India dan Australia.

"Kedudukan geografi strategik Malaysia bukan sahaja memperkukuh perdagangan dalam ASEAN, malah menawarkan peluang besar dengan rakan bukan ASEAN yang utama," kata Anwar kepada *Forbes*.

Bagi menyokong analisis Anwar, Chidiebere Ogbonnaya, seorang profesor pengurusan sumber manusia di King's Business School, King's College London, berkata komitmen Malaysia terhadap pemudah cara perdagangan mencerminkan trend global lebih luas, iaitu kerajaan secara strategik meletakkan kedudukannya untuk menyertai dan memaksimum manfaat rantaian nilai global.

"Negara seperti Malaysia memanfaatkan lokasi dan rangka kerja dasar mereka bukan sahaja untuk menarik pelaburan, tetapi juga untuk mengintegrasikan dalam rangkaian pengeluaran ekonomi maju dan membangun," katanya kepada *Forbes*.

## Miliki rantaian luas

Dalam laporan itu, Ogbonnaya berkata, Malaysia memiliki rangka kerja teori integrasi rantaian nilai global, iaitu inisiatif yang diterajui oleh kerajaan dan kedudukan geografi strategik membolehkan syarikat menyelaraskan operasi rentas sempadan, mengintegrasikan sistem pengeluaran serantau dan meningkatkan penyertaan mereka dalam ekonomi global yang saling berkait.

Menurut *Forbes*, infrastruktur

kukuh Malaysia, ekonomi digital yang pesat berkembang dan dasar perdagangan yang proaktif menjadikannya destinasi menarik bagi firma yang ingin menubuhkan kehadiran di Asia Tenggara.

*Forbes* menyatakan walaupun faktor terbabit mencerminkan peluang yang jelas, pemimpin perniagaan digalakkan untuk menilai keadaan pasaran dan landskap peraturan Malaysia dengan teliti bagi memaksimum potensi kejayaan mereka.

Secara keseluruhan, *Forbes* menyatakan penekanan Anwar terhadap pemudah cara perdagangan mencerminkan cita-cita Malaysia untuk menjadi hab serantau utama.

Namun, laporan itu berkata, perniagaan harus memberi utamaan kepada penilaian analitik terhadap dasar dan keadaan pasaran Malaysia daripada bergantung sepenuhnya pada naratif yang dipromosi kerajaan.

Dengan mengintegrasikan Malaysia ke dalam strategi serantau yang lebih besar, syarikat asing dapat membuka potensi negara sebagai pintu masuk ke Asia Tenggara sambil menangani kerumitan ekonomi global yang semakin saling berkaitan, tambahnya.

Sementara itu, Anwar selamat tiba di tanah air semalam, selepas lawatan ke Mesir, Arab Saudi, Peru dan Brazil, bermula 9 November lalu sehingga kelmarin.

Pesawat yang membawa Perdana Menteri tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur kira-kira 11.40 pagi, semalam.